

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB

KAWASAN : TANJONG MANIS

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN :

YB IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah perancangan untuk menaik taraf jalan sedia ada yang menghubungkan Feri Batang Lassa dan Feri Batang Paloh. Apabila pembinaan Jambatan Batang Lassa dan Jambatan Batang Paloh siap nanti, adalah dijangka semakin ramai warga yang akan menggunakan jaringan jalan tersebut untuk pergi ke bandar-bandar lain.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian ini dengan pihak JKR Sarawak, projek pembinaan Jambatan Batang Lassa dan Jambatan Batang Paloh adalah merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Sarawak dengan menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri Sarawak. Ini adalah kerana jalan sedia ada yang menghubungkan Feri Batang Lassa dan Feri Batang Paloh merupakan Jalan Negeri.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian yakin apabila kedua-dua projek jambatan tersebut siap kelak, ianya akan memberikan manfaat kepada penduduk di persekitarannya.

Sekian, terima kasih.